

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

29. Terdapat banyak aduan mengenai kontraktor lif, kutipan sampah sarap dan pembersihan di PPR Padang Tembak. Apakah SOP serta KPI yang dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor di PPR Padang Tembak?
- (a) Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya kontraktor tidak mengikut SOP dan KPI tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat mengambil berat kebajikan rakyat negeri Pulau Pinang akan terus menyelenggara dan menaik taraf perumahan-perumahan awam di negeri ini.

Sejak 2008 sehingga Mac 2020, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM14,064,513.74 bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan RM3,047,630.42 bagi pelaksanaan kontrak kebersihan di kesemua Sembilan (9) blok di Rumah Pangsa Padang Tembak.

Bagi memastikan segala skop kerja dipatuhi, kontraktor yang dilantik adalah terikat dengan perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan Negeri. Bagi kontrak lif, antara skop kerja yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- (i) Membuat pemeriksaan rutin, menyelaraskan, melincirkan komponen lif seperti jentera dan motor, pengawal kereta, lif, gear, kasut brek dan semua bahagian mekanikal dalam lif;

- (ii) Membersihkan semua jentera, tali, alat pengawal, komponen pintu lif, wayar dan keperluan keselamatan;
- (iii) Melindungi dan menggantikan keperluan yang telah rosak atau berkurangan bagi melincirkan pergerakan lif seperti minyak pelincir, lampu isyarat dan pencahayaan serta fius yang mengawal isyarat lif; dan
- (iv) Menyemak dan membekalkan semula tali yang perlu digantikan atau diselenggara dari masa kesemasa dengan mengambil kira faktor keselamatan.

Bagi kontrak kebersihan pula, antara skop kerja yang telah ditentukan adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja pembersihan meliputi kerja menyapu, membersihkan daripada sebarang bahan buangan dan kekotoran, habuk, sarang labah-labah, pasir-pasir, tanah dan debu-debu dan lain bahan buangan;
  - (ii) Kerja-kerja perkebunan meliputi kerja memotong rumput di kawasan lapang, padang permainan, bahu jalan, pinggir longkang juga termasuk memotong atau mencantas ranting-ranting pokok kecil, menyiram, membaja pokok-pokok bunga yang ditanam oleh Bahagian Perumahan dan merumput, meracun ditempah yang perlu; dan
  - (iii) Memungut bahan-bahan buangan iaitu memungut dan mengutip bahan buangan dari atas bumbung, kawasan lapang, bahu jalan dan longkang ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan.
- (a) Bagi kontrak penyelenggaraan lif, sekiranya skop-skop ini tidak dipatuhi, Kerajaan Negeri akan memberi notis bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta kontraktor untuk melaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis itu. Sekiranya Kontraktor gagal untuk melaksanakan tindakan

itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, maka kaedah tolakan tuntutan bayaran bulanan akan diambil.

Bagi kontrak kebersihan pula, kaedah tolakan tuntutan bayaran bulanan akan diambil sekiranya syarikat yang dilantik tidak menjalankan Perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan mengikut spesifikasi kerja pembersihan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.